

28/07/1997

BN umum calon DUN Semerak malam ini

PASIR PUTEH, Ahad - Barisan Nasional (BN) akan mengumumkan calonnya yang akan bertanding pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerak, 11 Ogos ini, malam esok.

Pengerusi BN negeri, Datuk Annuar Musa, berkata pemilihan calon berkenaan sudah dipersetujui Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Keputusan muktamad sudah dibuat dan pengumuman mengenai calon itu akan dilakukan di Bilik Gerakan BN di Cherang Ruku pada jam 9 malam esok," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri di Pusat Kegiatan Guru (PKG) Cherang Ruku di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed dan Pengarah pilihan raya kecil DUN Semerak, Kamaruddin Mohd Nor.

(END)